

<p>PENYATA PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>Sila baca Penyata Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menerima Program Penukaran Baki Automatik. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am. Dapatkan penjelasan daripada Bank Simpanan Nasional jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma am).</p>	 <p>BANK SIMPANAN NASIONAL</p>				
<p>Produk: PROGRAM PENUKARAN BAKI AUTOMATIK – KAD KREDIT BSN-i</p> <p>Tarikh: _____</p>					
<p>1. Apakah produk ini?</p> <p>Program Penukaran Baki Automatik BSN adalah program kad kredit yang ditawarkan hanya kepada Pemegang Kad Kredit BSN yang memenuhi kriteria kelayakan untuk menukar baki tertunggak secara automatik kepada ansuran yang lebih kecil pada kadar yang lebih rendah. Program ini bertujuan untuk menggalakkan pengurusan kewangan yang lebih berhemat di kalangan Pemegang Kad yang layak / terpilih.</p> <p>Kriteria kelayakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Warganegara: Malaysia ii. Pendapatan bulanan = tidak melebihi RM5,000 (mengikut rekod pendapatan terkini anda dengan BSN) iii. Nisbah purata pembayaran = tidak melebihi 10% dari baki tertunggak sepanjang 12 bulan yang lalu (<i>Nisbah Pembayaran = jumlah pembayaran sepanjang 12 yang lalu / jumlah baki penyata selama 12 bulan yang lalu</i>) iv. Baki minimum penyata = lebih daripada RM1,000 v. Akaun kad adalah terkini dan tidak bermasalah. <p>Anda boleh memilih untuk keluar dari program ini dalam 30 hari tempoh bertenang dari tarikh penukaran. Tempoh bertenang ini hanya terpakai bagi penukaran kali pertama. Untuk maklumat lanjut mengenai Penukaran Baki Automatik, sila kunjungi www.bsn.com.my.</p>					
<p>2. Apakah yang saya perolehi daripada produk ini?</p> <p>Dengan menyertai program ini, anda akan menikmati faedah-faedah berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Yuran pengurusan yang lebih rendah berbanding dengan kadar yuran pengurusan biasa pada baki penyata tertunggak kad kredit-i anda. Justeru, anda akan menikmati rebat yang lebih tinggi ke atas Yuran Pengurusan Tetap kerana Yuran Pengurusan Sebenar akan dikira pada kadar yang lebih rendah seperti pada jadual di bawah, berbanding dengan struktur kadar berperingkat bagi pengiraan Yuran Pengurusan Sebenar. <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 2px;">Yuran Pengurusan</td> <td style="padding: 2px;">Kadar rata 7.1% setahun bersamaan dengan kadar efektif 13% setahun</td> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Tempoh</td> <td style="padding: 2px;">36 bulan (3 tahun)</td> </tr> </table> <ul style="list-style-type: none"> • Proses penukaran yang mudah – penjelasan baki tertunggak anda akan ditukar sejurus selepas anda memenuhi kriteria kelayakan (penilaian tahunan). • Tiada yuran pemprosesan semasa penukaran. • Tiada yuran penamatan – fleksibiliti untuk menyelesaikan pelan ansuran anda dengan lebih awal tanpa dikenakan bayaran tambahan • Fleksibiliti untuk memilih keluar dari setiap tawaran penukaran. 		Yuran Pengurusan	Kadar rata 7.1% setahun bersamaan dengan kadar efektif 13% setahun	Tempoh	36 bulan (3 tahun)
Yuran Pengurusan	Kadar rata 7.1% setahun bersamaan dengan kadar efektif 13% setahun				
Tempoh	36 bulan (3 tahun)				
<p>3. Apakah tanggungjawab saya?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bayaran Ansuran Bulanan (“Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik”) Pemegang Kad mesti membuat Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik secara PENUH pada tarikh pembayaran setiap bulan. 					
<p>4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?</p> <p>Tiada yuran dan caj dikenakan semasa penukaran. Sekiranya Pemegang Kad gagal membuat bayaran ansuran bulanan, Ta'widh (caj ganti rugi pembayaran lewat) dan yuran pengurusan akan dikenakan.</p>					
<p>5. Apakah yang berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ta'widh (caj ganti rugi pembayaran lewat) Sekurang-kurangnya RM10 atau 1% daripada jumlah baki tertunggak pada tarikh penyata (yang mana lebih tinggi), sehingga maksimum RM100. • Yuran Pengurusan Yuran pengurusan biasa seperti kadar bertingkat sedia ada akan dikenakan ke atas baki yang tidak dibayar pada tarikh pembayaran perlu dibayar sehingga ansuran bulanan dibayar sepenuhnya. • Hak untuk Menolak-Selesaikan BSN berhak, dengan notis, untuk menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana akaun anda 					

<p>dengan BSN untuk menolak selesaikan atau memindahkan wang untuk menjelaskan baki tertunggak Kad Kredit-i anda pada bila-bila masa</p>
<p>6. Bagaimana jika saya menyelesaikan sepenuhnya baki sebelum kematangannya?</p> <p>.Anda boleh melakukan penyelesaian penuh baki tertunggak di bawah program ini pada bila-bila masa tanpa sebarang bayaran penamatkan awal. Anda dikehendaki membayar jumlah Penukaran Baki Automatik sepenuhnya</p>
<p>7. Apakah risiko utama?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik mesti dibayar sepenuhnya pada atau sebelum tarikh pembayaran perlu dibayar yang dinyatakan di dalam penyata kad kredit dan merupakan sebahagian daripada bayaran minimum yang perlu dibayar. Fikirkan tentang keupayaan bayaran balik anda apabila menggunakan kad kredit. • Ta'widh (caj ganti rugi pembayaran lewat) dan yuran pengurusan akan dikenakan ke atas baki yang tidak dibayar jika anda tidak membuat bayaran secara penuh setiap bulan. <p>Sekiranya anda mempunyai masalah membayar baki Kad Kredit-i BSN, hubungi kami dengan segera untuk membincangkan alternatif pembayaran balik.</p>
<p>8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan butiran peribadi saya?</p> <p>Adalah penting anda memaklumkan kepada kami dengan segera apa-apa perubahan dalam alamat kediaman dan nombor telefon anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk mengemas kini butiran peribadi, anda boleh menghubungi kami melalui salah satu saluran berikut:</p> <p>Tel : 1300-88-1900 Faks : 03-2688 0888 Emel : customercare@bsn.com.my</p>
<p>9. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan maklumat lanjut?</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut atau pertanyaan, anda boleh mengunjungi laman web kami di www.bsn.com.my atau tulis ke: Jabatan Perniagaan Kad & CRM Bank Simpanan Nasional, Tingkat Bawah, Blok A, 117 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur. Tel : 1300-88-1900 Faks : 03-2688 0888 Emel : customercare@bsn.com.my ii. Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh pihak kami dengan cara yang memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di: Block D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur Tel : 1-300-88-5465 Faks : 03-2174 1515 Emel : bnmtelelink@bnm.gov.my iii. Alternatif lain, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menawarkan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kredit kaunseling, pendidikan kewangan dan penstrukturkan semula pinjaman untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di: Tingkat 8, Maju Junction Mall 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur Tel : 03-2616 7766 Emel : enquiry@akpk.org.my
<p>NOTIS PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT BAYARAN BALIK BAKI PENUKARAN BAKI AUTOMATIK BSN.</p>